



## **TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT**

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan,  
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

## **MAJLIS PENUTUP**

### **SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN USULUDDIN**

SEMPENA SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1445

TEMA

**"MEMPERKASA KUALITI DA'IE"**

TARIKH

29 dan 30 Muharram 1445H

16 dan 17 Ogos 2023M

(Rabu dan Khamis)

Anjuran

**Fakulti Usuluddin, KUPU SB**

Dengan Kerjasama

**UNISSA DAN Pusat Dakwah Islamiah, KHEU**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين, وبه نستعين على أمور الدنيا والدين, والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia,

Dr. Norashibah binti Haji Besar,

Dekan Fakulti Usuluddin, KUPU SB,

selaku Pengerusi Seminar Antarabangsa Pendidikan Usuluddin Sempena Sambutan Ilal Hijrah 1445.

Yang Mulia,

Dr. Haji Adanan bin Haji Basar,

Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,

Yang Mulia,

Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha,

Pemangku Timbalan Ra'es KUPUSB

Yang Mulia

Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai Utama KUPU SB, Para Pembentang Seminar Antarabangsa Pendidikan Usuluddin, Jemputan-jemputan Khas, para peserta dan ahli-ahli jawatankuasa seminar, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya, Peramba/saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Majlis kerana menjemput peramba/saya hadir dan seterusnya menyampaikan ucapan di Majlis Penutup Seminar Antarabangsa Pendidikan Usuluddin.
2. Ucapan tahniah dan syabas juga peramba/saya tujukan kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA) dan Pusat Dakwah Islamiah, KHEU serta para penaja seminar ini, kerana berjaya mengungkayahkan SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN USULUDDIN, yang merupakan salah satu siri daripada Seminar Pendidikan Usuluddin, yang dilaksanakan sebagai program berterusan anjuran Fakulti Usuluddin, KUPU SB. Seminar kali ini adalah bertemakan "**MEMPERKASA KUALITI DA'IE**" dan disempenakan dengan Sambutan Ilal Hijrah 1445.
3. Ucapan penghargaan dan terima kasih dan tahniah juga seterusnya khas kepada para pembentang seminar yang telah mengongsikan kepakaran dalam bidang masing-masing. Begitu juga kepada para peserta yang hadir dan sama-sama menjayakan seminar ini.

**Para hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,**

4. Ketika Baginda Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* ingin mengembangkan dakwah Islam secara lebih meluas ke pelusuk dunia di luar Kota Madinah, selain daripada melakukan dakwah seperti biasa di kalangan penduduk Madinah, Baginda telah menggunakan medium komunikasi lain dengan menghantar atau mengirim melalui surat kepada sejumlah raja-raja Arab dan pemimpin-pemimpin 'Ajam (bukan bangsa Arab) untuk memperkenalkan dan mengajak mereka memeluk agama Islam. Itu adalah fakta yang tercatat di dalam sejarah.

5. Maka sewajarnya kita, yang kini berada di era Revolusi Industri 4.0 yang dihadirkan dengan pelbagai teknologi dan keupayaan, dapat memanfaatkan kepelbagaian media komunikasi dan informasi bagi tujuan menyebarkan kefahaman Islam kepada manusia.
6. Sesungguhnya Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* telah lama meninggalkan kita. Maka misi untuk meneruskan tugas Baginda mengongsikan mesej Islam adalah kepada umatnya. Allah *Subhanahu Wata'ala* telah menjamin kita menjadi umat terbaik jika berusaha mengajak manusia kepada perkara ma'ruf, mencegah perkara mungkar dan mengajak beriman kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ...

Tafsirnya:

"Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebak-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah...." (Surah Ali-'Imran, 3:110)

7. Justeru itu, sebarang usaha samada dalam bentuk seminar atau apa jua program ke arah "**Memperkasa Kualiti Da'ie**" adalah sangat-sangat dihargai dan dialu-alukan. Bagaimanapun, ia hendaklah dilaksanakan dengan konsisten dan sistematik.

**Para hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,**

8. Dakwah sebagaimana yang dimaklumi, adalah suatu kegiatan penyampaian ajaran Islam samada dalam bentuk *dakwah bi al-lisan* (dengan percakapan), *dakwah bi al-Qalam* (dengan tulisan) dan *dakwah bi al-hal* (dengan perbuatan). Selain itu, ada juga disebut *dakwah bi al-Qudwah* (dengan keteladanan iaitu sikap dan perilaku yang mencerminkan moral akhlak Islam yang memberi contoh yang baik).

9. Daripada kepelbagaian bentuk dakwah itu, seorang da'ie perlu mampu untuk menyesuaikan kedudukannya sebagai communicator yang akan berhadapan dengan sekian banyak audiens dan sasaran yang berlatarbelakangkan usia, pendidikan, profesyen dan bahkan pemikiran yang berbeza. Justeru, isi dan gaya komunikasi dengan penggunaan berbagai metode atau bentuk penyampaian dakwah yang betul akan dapat menampilkan suatu persembahan dakwah yang berkesan.
10. Oleh itu, peramba/saya menyambut baik usaha KUPU SB melalui Fakulti Usuluddin yang telah menyediakan kursus-kursus Minor dan Elektif dalam bidang dakwah di peringkat program pra siswazah. Manakala dalam program-program lepasan ijazah, peramba/saya juga turut dimaklumkan bahawa KUPU SB ada menyediakan kursus **Fiqh Dakwah dan Isu Semasa** sebagai satu kursus wajib di fakulti berkenaan. Usaha-usaha ini tidak syak lagi adalah sebagai langkah memperkenalkan generasi muda di kalangan pelajar KUPU SB kepada ilmu-ilmu dakwah.
11. Memandangkan profesi dan keilmuan dakwah memerlukan latihan dan penguasaan, maka adalah disarankan supaya meletakkan kerangka atau agenda bagi memastikan profesyen yang dimiliki para bakal da'ie adalah kompeten. Antaranya ialah:
  - a. Pengintegrasian antara ilmu-ilmu umum dan ilmu-ilmu agama ke dalam disiplin ilmu dakwah serta ilmu keislaman dengan ilmu sosial lainnya yang berfungsi sebagai ilmu bantu dakwah. Ilmu-ilmu tersebut perlu ditumpukan kepada memperkaya dan memperdalam keilmuan dakwah agar kehadiran ilmu dakwah sebagai disiplin ilmu dapat diperkukuhkan.

- b. Usaha penulisan buku teks tentang ilmu dakwah dengan seluruh ilmu-ilmu yang berkait dengannya perlu terus dikembangkan. Ini agar ilmu dakwah akan dapat duduk sama redah dan berdiri sama tinggi dengan disiplin ilmu-ilmu lain.
  - c. Mewujudkan prasarana bagi mengembangkan latihan kemahiran dakwah seperti studio atau makmal dalam kepelbagaian bidang seperti media, kaunseling, jurnalisme, pengurusan dan sebagainya. Langkah ini akan dapat mengembangkan kepelbagaian kerjaya dan profesyen dakwah ke arah yang lebih signifikan, yang bukan sahaja sebagai da'ie dalam bentuk penceramah.
  - d. Menjadikan **Bidang Pendidikan Dakwah** sebagai bahan kajian dalam penyediaan penulisan tesis dan disertasi pelajar di peringkat ijazah lanjutan, agar kurikulum berkaitan dakwah dan keberkesannya dapat dinilai dari masa ke semasa serta kelemahan-kelemahan dapat diatasi atau diperbaiki.
12. Kesemua ini adalah ke arah paradigma dakwah yang lebih progresif dan responsif yang melahirkan profil da'ie yang mempunyai semangat, cara berfikir, penulisan, sikap dan tindakan yang penuh didikasi.

**Para hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,**

13. Peramba/saya mendapat maklum, peserta-peserta seminar adalah terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan dari kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Pusat Dakwah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid. Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, adalah orang awam serta mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB dan UNISSA.

14. Kepada para peserta, kita sedia menyedari, tugas da'ie yang professional adalah memerlukan penguasaan ilmu pengetahuan, keterampilan yang elok, pengendalian bertutur dengan baik, benar, lembut, efektif dan efisien, mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat dan yang penting memiliki kematangan psikologi dan spritual. Kesantunan dan kebijaksanaan ini akan mencipta mad'u atau sasaran dakwah yang menerima apa yang disampaikan.
15. Justeru itu, untuk mencapainya, peramba/saya penuh berharap kepada peserta Seminar supaya sentiasa mempunyai iltizam yang tinggi mendalami ilmu-ilmu dakwah dan kaedah-kaedah terkini dalam berdakwah dengan tekun menelaah dan melakukan persediaan serta latihan yang secukupnya.
16. Untuk perancangan ke hadapan, KUPU SB perlulah mengambil inisiatif lebih pro-aktif dan konsisten mengadakan program atau aktiviti-aktiviti ilmiah dalam usaha mempertingkatkan kualiti para da'ie secara "*Whole Nation Approach*" dengan meneruskan kerjasama erat bersama rakan-rakan strategik yang ada terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan di negara ini. Di samping itu, perlu juga mewujudkan jaringan strategik dengan rakan-rakan dari luar negara untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang Dakwah.
17. Seminar Antarabangsa Pendidikan Usuluddin yang akan dirasmikan penangguhannya sebentar lagi, peramba/saya yakin bahawa walaupun singkat, dan jumlah pembentangan kertas kerja juga agak terhad, namun pada hemat peramba/saya, ia tidak menjejaskan objektifnya yang ingin dicapai.
18. Harapan peramba/saya agar resolusi seminar yang akan dibentangkan pagi ini dapat mewacanakan idea-idea segar dalam meningkatkan kualiti da'ie dan memantapkan dakwah serta sekaligus meninggikan lagi syiar Islam di negara ini.

19. Semoga usaha murni KUPU SB melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama UNISSA dan Pusat Dakwah Islamiah, KHEU serta sokongan para penaja dalam penganjuran seminar ini untuk melahirkan para da'ie yang berkualiti, mahir menguasai pelbagai pendekatan dakwah dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya diterima sebagai amal kebajikan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*, sambil mengharapkan kerja sama yang erat dan ukhuwwah yang terus terjalin di antara KUPU SB dan rakan-rakan strategiknya.
  
20. Akhir kalam, dengan kalimah "الحمد لله" dan selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, maka peramba/saya dengan bertawakkal kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* menutup rasmi Seminar ini, dan InsyaAllah berjumpa lagi di seminar akan datang.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ